

## **BAB II**

### **PERISTILAHAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN PEMINJAMAN**

#### **2.0 PENDAHULUAN**

Bab ini memperlihatkan dua unsur utama yang berlainan iaitu peristilahan dan peminjaman. Sebelum menjangkau lebih jauh kita akan meninjau kajian yang berkaitan dengan kedua-dua pendekatan tersebut dalam aspek bahasa. Di dalam bab ini penulis mengenangkan beberapa sub-tajuk di bawahnya, iaitu :

##### **2.1 prinsip umum kerja peristilahan**

###### **2.1.1 definisi istilah**

###### **2.1.2 keperluan istilah**

###### **2.1.3 teori asas peristilahan**

##### **2.2 peminjaman dari aspek linguistik**

##### **2.3 keperluan peminjaman dalam kerja peristilahan**

##### **2.4 peminjaman istilah bahasa Arab dalam bahasa Melayu**

#### **2.1 PRINSIP UMUM KERJA PERISTILAHAN**

Prinsip ialah asas atau dasar yang menjadi pokok sesuatu pemikiran, kajian, tindakan dan lain-lain (Kamus Dewan, 2000:1056). Prinsip juga merupakan pegangan atau pedoman yang dipegang untuk dijadikan tunggak kukuhnya sesuatu bagi mengekalkan identitinya. Pembentukan peristilahan juga memerlukan prinsip

tertentu sebagai dasar. Tidak semua kata menjadi istilah tetapi semua istilah terdiri daripada sebutan kata. Dengan ini, mestilah kata tersebut mempunyai ciri-ciri tersendiri sebagai pegangan untuk menjadikannya tergolong di dalam istilah.

Pembentukan istilah pada dasarnya melalui dua cara, iaitu dari bahasa kita sendiri atau meminjam dari bahasa asing sebagaimana menurut Hassan Ahmad (1992:5) seperti dalam petikannya :

*"Pada umumnya, kita membentuk atau mendapatkan istilah melalui dua cara : pertama, kita meminjam atau membentuk istilah itu daripada bahasa kita sendiri; keduanya, kita meminjam istilah atau perkataan daripada bahasa lain; iaitu bahasa Inggeris dan bahasa asing yang lain, dan juga daripada bahasa serumpun."*

Secara tidak langsung sebenarnya kita semua adalah pembentuk istilah yang kita gunakan hari ini sekiranya ia menepati maksud yang diungkapkan dan peminjaman dari bahasa asing berlaku gabungan bahasa dan perkembangan ilmu yang semakin luas. Menurut Othman Ismail (1992:112) kerja mencipta dan membentuk peristilahan adalah kerja yang rumit, memerlukan mereka yang berkemahiran tinggi dalam selok-belok bahasa dan dilakukan secara berkelompok yang melibatkan pelbagai kepakaran.

Bermula dengan peringkat penggubalan diikuti dengan pengesahan seterusnya penyelarasan dan akhirnya pemasyarakatan untuk proses standardisasi dan seterusnya kodifikasi, kesemua kerja-kerja ini memerlukan penelitian dan penyelidikan yang perlu dilaksanakan dengan tekun dan serius (1992:112). Di sinilah terserlahnya peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dan anggota kerjanya secara khusus

dari kalangan Jawatankuasa Istilah di dalam menyediakan barisan istilah yang selaras dan tepat dari segi konsep dan makna.

### 2.1.1 DEFINISI ISTILAH

Pada dasarnya istilah ialah sebutan kata yang mempunyai makna khusus di dalam bidang-bidang tertentu. Istilah ditakrifkan di dalam Kamus Dewan sebagai perkataan atau rangkai kata yang mempunyai erti yang jitu dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan (Kamus Dewan, 2000:502). Di dalam buku Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Malaysia (1991:1) takrif istilah ialah kata atau gabungan kata yang menerangkan dengan jelas mengenai sesuatu makna, konsep, keadaan atau ciri yang khusus dalam bidang tertentu.

Daripada kedua takrif ini dapatlah kita membuat kesimpulan bahawa istilah terdiri daripada kata dan tidak memerlukan simbol lain untuk menerangkan makna kerana ia sendiri menerangkan maksud istilah itu. Istilah dan kata mempunyai hubungan secara langsung dalam menyampaikan makna. Kata dari sudut linguistik ialah “*satu bentuk yang bebas dalam satuan sintaksis yang harus dapat berdiri sendiri secara gramatis mahupun leksikal*” (Othman Ismail, 1991:113). Namun demikian istilah berbeza dengan kata umum. Kata umum ialah kata-kata biasa dalam bahasa dan dalam ketika yang lain ia boleh menjadi bahasa .

Sager (1995:63) menerangkan istilah ialah pewujudan linguistik suatu konsep yang berlainan dengan bahasa am. Ia adalah bahasa khas yang muncul untuk mensistemkan prinsip pemadanan dan penamaan konsep-konsep menurut suatu pedoman khas yang telah ditetapkan. Mashudi Kader (1993:292) pula dalam

tulisannya memberikan takrif istilah sebagai suatu bentuk linguistik yang mempunyai makna khusus, tidak kabur dan kurang berkonotasi emotif bagi sesuatu bidang atau subbidang tertentu. Beliau lebih mendekatkan istilah kepada makna serta konsep dan sebaliknya mengasingkan kata. Menurutnya lagi, kata ialah lambang linguistik yang mempunyai makna tertentu tetapi tergolong dalam penggunaan yang umum (1993:292). Walau bagaimanapun ia menjadi makna khusus apabila digunakan sebagai istilah pada bidang-bidang tertentu.

Berbagai-bagi definisi cuba diketengahkan oleh ahli linguistik mengenai istilah. Walaupun dalam pernyataan yang berbeza namun kandungannya hampir sama dan melibatkan tiga unsur utama, iaitu kata, konsep dan makna.

### 2.1.2 KEPERLUAN ISTILAH

Bahasa Melayu adalah bahasa serantau yang dituturi oleh berbagai etnik di rantau Asia Tenggara khususnya di Kepulauan Melayu. Maka tidak hairanlah dengan gelaran *lingua franca* ia menjadi bahasa penyatuan, bahasa perhubungan dan bahasa pengantar bagi semua keadaan rasmi atau pun tidak. Perkembangan demi perkembangan bahasa Melayu lalui sehinggalah selepas kemerdekaan ia menjadi bahasa ilmiah yang memuatkan pelbagai bidang ilmu dan bahasa. Dari sinilah prospek peristilahan semakin luas dan berkembang sehingga menjadikan ia satu bidang khusus dalam bahasa.

Seperti yang telah kita fahami mengenai definisi istilah, ia digunakan untuk menyampaikan makna khusus dalam bidang-bidang tertentu. Daripada definisi itu kita dapati ia mempunyai keperluan khusus dalam bahasa pada menyampaikan

maksud. Persoalannya di sini, sejauh manakah keperluannya dalam ilmu pengetahuan? Bagaimana ia wujud dalam percakapan dan sebutan? Sejauh manakah kepentingannya dalam bahasa dan bidang ilmu yang berbagai jenis?

Istilah terjadi secara tidak langsung pada awalnya namun daya pemikiran manusia yang tinggi sejajar dengan perkembangan ilmu yang semakin berkembang serta penggunaan bahasa yang semakin maju telah menjadikannya satu bidang ilmu yang tersendiri dan teratur sebagaimana yang dinyatakan oleh Nik Safiah Karim (1986:2) dalam petikannya yang menyebutkan :

*“Pada amnya sesuatu bahasa itu berkembang dan maju selaras dengan perkembangan dan kemajuan yang dicapai oleh masyarakat bahasanya.”*

Menurut Abdullah Hassan (1992:315) usaha pembentukan istilah secara teratur tidak lain dan tidak bukan ialah untuk memperkayakan kosa kata dalam Bahasa Melayu sejajar dengan motif untuk menjadikannya bahasa yang intelektual. Bertepatan dengan perkembangan ilmu yang semakin maju, semakin banyaklah ilmu-ilmu baru dipelajari dari pelbagai bahasa asing. Sebenarnya ia bukanlah perkembangan moden tetapi lanjutan budaya ilmu dari masa lampau. Contohnya ilmu agama yang berasal dari bahasa Arab yang merujuk kepada rujukan utamanya, iaitu al-Quran. Lain pula halnya dengan ilmu falsafah yang berasal dari bahasa Sanskrit serta hal ehwal kerajaan yang berasal dari bahasa Inggeris memandangkan negara kita pernah dijajah oleh British. Dengan yang demikian peristilahan menjadi salah satu usaha penterjemahan yang melibatkan hubungan langsung antara bahasa sumber dan bahasa Sasaran. (Mashudi Kader, 1993:293)

Sehubungan dengan itu, apa yang dapat kita fahami ialah keperluan istilah selari dengan perkembangan ilmu dan pendekatan bahasa sebagai lambang makna dalam sasaran menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmiah dan intelektual.

### 2.1.3 TEORI ASAS PERISTILAHAN

Pembentukan istilah ditentukan oleh konsep dan makna sesuatu bidang dan selari dengan pemilihan kata yang tepat dan bersesuaian. Sehubungan itu, ia memerlukan teori-teori asas sebagai pegangan. Teori diertikan sebagai prinsip-prinsip am atau asas-asas kasar yang menjadi dasar pembentukan (Kamus Dewan 2000:1423). Teori umum peristilahan mempunyai tiga ciri khusus yang berikut :

- a) menjaga skop konsep dan membataskannya
- b) memberi keutamaan pada konsep istilah bukan peraturan sintaksis dan sebagainya
- c) hubungan bahasa dan peristilahan hendaklah berlaku serentak.

(Sulaiman Masri, 1992 : 86)

Sebelum peristilahan terbentuk beberapa proses terpaksa dilalui sehinggalah bentuk akhir diterima dan digunakan secara rasmi sebagai istilah. Buku kecil Pedoman Umum Pembentukan Istilah melihatkan kepada kita dengan jelas hal-hal yang berkaitan dengan istilah. Secara amnya, proses-proses yang dijalani oleh istilah adalah seperti berikut :-

- i. Penggunaan Kata Akar
- ii. Proses Pengimbuhan
- iii. Proses Penggandaan

iv. Proses Penggabungan

2.1.3.1 Penggunaan kata akar

Penggunaan kata akar ialah penggunaan kata akar bebas sebagai dasar bagi suatu istilah tersebut. Contohnya seperti haba, gaya, nikah, wali dan sebagainya.

2.1.3.2 Proses pengimbuhan

Proses ini ialah penambahan imbuhan pada kata/istilah samada imbuhan awalan, akhiran, sisipan atau gabungan awalan dan akhiran seperti olahragawan, pernikahan, pendakwaan, telunjuk, duniawi dan sebagainya.

2.1.3.3 Proses penggandaan

Proses ini ialah proses penggandaan kata yang menghasilkan makna baru. Penggandaan mempunyai dua bentuk samada kata ganda penuh seperti buli-buli atau ganda sebahagian seperti jejari, kekacang sesungut dan sebagainya.

2.1.3.4 Proses penggabungan

Proses ini ialah penggabungan dua kata atau lebih untuk mendapatkan satu makna baru dan seterusnya menghasilkan istilah yang tersendiri seperti garis lurus, wali mujbir, wali hakim dan sebagainya.

Daripada proses-proses di atas terhasilah istilah-istilah yang kita gunakan sekarang dengan bentuk yang telah diubahsuai atau tidak seiring dengan keperluan bahasa.

## 2.2 PEMINJAMAN DARI ASPEK LINGUISTIK

Perkataan ‘peminjaman’ ialah kata terbitan daripada ‘pinjam’ yang bermaksud memakai barang orang untuk sementara dan sesudah dipakai dikembalikan. Di dalam Kamus Dewan ada menyebutkan pinjam bererti memberi sesuatu untuk digunakan buat sementara dengan janji akan dikembalikan apabila sampai tempohnya (2000:1040). Peminjaman dari aspek linguistik ialah meminjam perkataan dari bahasa asing dan digunakan secara langsung dalam bahasa sumber. Peminjaman dari segi bahasa ini tidak dipulangkan semula. Ia digunakan secara berterusan. Nik Safiah Karim (1966:73) menjelaskan bahawa proses kemasukan kata asing dikenali sebagai peminjaman. Ia terjadi kerana adanya hubungan sesama individu atau kelompok manusia dengan manusia. Dengan adanya perhubungan antara dua bahasa itulah berlakunya peminjaman

Menurut Sheikh Othman Sheikh Salim (1974:59) peminjaman merupakan aktiviti yang dilakukan oleh semua bahasa yang wujud. Malahan kegiatan tersebut dianggap sihat. Harimurti (1990:144) pula berpendapat bahawa peminjaman didefinisikan sebagai pemasukan unsur fonologis, gramatikal atau leksikal dalam bahasa atau dialek daripada bahasa atau dialek lain kerana kontak dan peniruan.

Peminjaman berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor. Ia didorong oleh kekosongan yang timbul akibat kekurangan istilah untuk mengungkapkan konsep-

konsep yang dibawa bersama oleh idea, pemikiran, kebudayaan dan hal-hal keagamaan. Menurut Rohani Mohd Yusuf (1990:78) selain daripada kekurangan istilah, faktor sejarah, politik, sosial dan ekonomi turut menyumbang kepada peminjaman bahasa. Helmut Felber (1995:149) bersepakat dalam hal ini di mana menurutnya peminjaman terjadi apabila tiada istilah yang boleh dibentuk dengan mudah untuk konsep yang baru.

Hockett (1958:404) menyebutkan bahawa peminjaman berlaku kerana dua faktor utama iaitu kemegahan dan keperluan. Walau bagaimanapun faktor keperluan telah mengatasi faktor kemegahan. Ini dapat dilihat dalam sejarah negeri Thailand sebagai contohnya yang bermegah-megah dengan bahasa dan bangsa mereka kini dibanjiri dengan beribu-ribu kata pinjaman bahasa Inggeris untuk memenuhi keperluan dunia ilmu. Kes yang sama juga berlaku pada bahasa Jepun.

Faktor prestij atau taraf sesuatu bahasa juga memainkan peranan penting. Apabila bahasa itu dituturkan oleh golongan yang tinggi taraf kehidupannya, maka masyarakat bawahan akan cuba mempelajari bahasa tersebut. Sebagai contoh, bahasa Sanskrit dan bahasa Arab dapat meresap dalam bahasa Melayu dengan berkesan disebabkan perhubungan langsung yang berterusan selama beberapa abad melalui perdagangan dan keagamaan. Benarlah pernyataan Abdullah Hassan (1974:217) dalam tulisannya yang mengatakan :

*“lebih lama pertembungan berjalan lebih besarlah pengaruh yang terjadi”.*

Dengan ini, tidak hairanlah kata pinjaman kedua bahasa tersebut khususnya dalam penelitian kita terhadap bahasa Arab terdapat dalam bahasa Melayu dengan jumlah yang besar berbanding bahasa-bahasa yang lain. Bukan setakat itu sahaja malah peminjaman imbuhan turut berlaku di dalam bahasa samada ia berasal dari bahasa Sanskrit, Arab-Parsi atau Yunani-Latin-Inggeris (Tatabahasa Dewan, 1994:281-299). Dalam keadaan yang lain, peminjaman imbuhan ini boleh menimbulkan kesukaran lebih-lebih lagi dalam imbuhan bahasa Inggeris di mana terdapat banyak bentuk imbuhan yang membawa fungsi yang sama (Abdullah Hassan, 1992:328).

### 2.3 KEPERLUAN PEMINJAMAN DALAM KERJA PERISTILAHAN

Kekurangan istilah dalam bahasa Melayu di dalam bidang ilmu tertentu adalah faktor utama mengapa peminjaman berlaku untuk menyampaikan makna dan konsep yang dikehendaki. Perkembangan istilah bahasa Melayu banyak dipengaruhi oleh kata pinjaman dari bahasa asing seperti Sanskrit, Arab, Latin, Inggeris dan Belanda. Di antara bahasa-bahasa tersebut, bahasa Arab mendapat tempat yang istimewa dan pengaruh yang lebih kuat dalam masyarakat Melayu kerana kaitan bahasa dengan agama yang dianuti, iaitu Islam dan hubungannya dengan al-Quran.

Dengan adanya istilah pinjaman dari bahasa asing, maka bahasa Melayu menjadi semakin mudah untuk membincangkan sesuatu perkara ataupun ilmu pengetahuan. Amat Johari Moain (1992:192) ada mengatakan istilah ini dapat menggambarkan satu-satu konsep dengan jelas dan tepat. Selain menjadikan bahasa itu semakin halus ia dapat menjelaskan sesuatu perkara dengan tepat dan khusus.

Peminjaman ini terjadi daripada beberapa keperluan tertentu. Pertama, kerana tiada perkataan khusus untuk menyampaikan makna tersebut sebagaimana yang dinyatakan oleh Helmut Felber (1995:149). Kedua, sekiranya diterjemahkan ia terlalu panjang untuk digunakan. Dengan ini, ia lebih singkat dan mudah untuk digunakan dalam bahasa Melayu. Contohnya istilah **وضوء** yang dipinjam dari bahasa Arab yang ditulis *wudū'* bagi menyampaikan makna air untuk menyucikan diri sebelum beribadah (Kamus Dewan:1552) dan ia khusus untuk hadath-hadath kecil dengan membasuh anggota tertentu beserta dengan niat ketika membasuh muka. Ia terlalu panjang untuk digunakan dalam terjemahannya dalam bahasa Melayu. Terjemahannya yang ringkas mungkin dikatakan air sembahyang tetapi ia tidak begitu menepati kerana penggunaannya tidak terhad untuk sembahyang sahaja.

Contoh kedua ialah perkataan '*sembahyang*' yang diertikan di dalam Kamus Dewan sebagai perbuatan menyembah Allah (Kamus Dewan 2000:1229). Walau bagaimanapun ia juga digunakan untuk agama lain sebagai permohonan mereka terhadap Tuhan mereka. Dalam hal ini Islam mengajar bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah. Sepatutnya dalam bahasa Melayu dan untuk urusan agama Islam kita terus menggunakan ungkapan **صلوة** (*salat*) dalam menyampaikan konsep pengabdian kepada Allah yang satu yang diterjemahkan sebagai perkataan dan bacaan tertentu yang dimulakan dengan *takbiratul iħrām* dan diakhiri dengan salam beserta dengan niat.

Dengan dua contoh di atas, kita dapati istilah-istilah daripada bahasa Arab lebih menepati maksud dalam urusan keagamaan. Maka tidak hairanlah kebanyakan istilah yang berasal dari bahasa Arab menyentuh aspek keagamaan dan perundangan

Islam. Peminjaman ini telah wujud seiring dengan faktor sejarah semenjak kedatangan Islam ke Tanah Melayu dan hubungan langsung yang dijalankan di antara penduduk khususnya di Melaka dengan pedagang dari India dan Arab melalui sistem perdagangan.

Begitu jugalah yang berlaku dalam bahasa Inggeris. Kebanyakan istilahnya lebih ringkas untuk menyampaikan makna. Contohnya “elektrik” yang telah digunakan dalam bahasa Melayu sehari-hari. Apabila diterjemahkan maknanya ialah sejenis tenaga yang didapati dengan cara tindakan kimia atau oleh benda bergeser dan boleh digunakan untuk mendapatkan cahaya dan lain-lain. Kebanyakan istilah dari bahasa Inggeris menjurus kepada urusan-urusan kerajaan dan ilmu-ilmu moden yang dibawa bersama dengan mereka akibat kesan jajahan dan pemerintahan satu masa dahulu.

Peminjaman dari bahasa asing merupakan salah satu sumber istilah dalam perbendaharaan kata dan istilah bahasa Melayu. Sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Pedoman Umum Pembentukan Istilah, istilah yang hendak dipinjam hendaklah mengutamakan ejaannya dalam bahasa sumber dan disesuaikan sebutannya dengan sistem bunyi bahasa Malaysia (1975:6). Ia juga hendaklah menepati satu syarat atau lebih daripada berikut :

- a) Istilah yang dipilih lebih sesuai kerana maknanya.
- b) Lebih singkat jika dibandingkan dengan terjemahan Melayu.
- c) Ia bersifat internasional yang memudahkan pengalihan antarabangsa mengikut keperluan semasa.

- d) Ia dapat mempermudah tercapainya kesepakatan, jika istilah Malaysia terlalu banyak sinonimnya.

(Pedoman Umum Pembentukan Istilah, 1975:6)

Di samping itu juga, Hugh Brennan ada menyebutkan beberapa faktor linguistik dalaman yang mendorong kepada berlakunya peminjaman (yang diterjemahkan oleh Asiah Idris dalam Jurnal Dewan Bahasa Jun, 1992:554) :-

- i. Kekerapan perkataan yang rendah iaitu apabila istilah natif itu sendiri digantikan dengan kata-kata asing. Sebagai contoh perkataan “istanggar” yang telah digantikan oleh “senapang” daripada bahasa Belanda. Ini menunjukkan kata-kata asing telah menguasai kata asal dan akhirnya lenyap
- ii. Dalam keadaan tertentu sesuatu perkataan tertentu dipinjam dan diserap untuk mengatasi masalah homonim seperti perkataan “kawin” yang memberi erti bernikah dan mengadakan hubungan jenis digantikan dengan “nikah” yang lebih sopan untuk maksud kahwin
- iii. Peminjaman juga berlaku apabila kata-kata afektif kehilangan kekuatan ekspresifnya. Sebagai contoh, “buruk” ialah perkataan asal bahasa Melayu tetapi untuk mengungkapkan makna yang lebih kuat kita meminjam perkataan dari bahasa Arab, iaitu “dahsyat”.

Dengan pernyataan di atas, walaupun peminjaman itu biasa dilakukan dan nampak mudah namun ia memerlukan kerja-kerja kemaskini dan semakan semula yang sangat mementingkan penelitian yang biasanya dilakukan oleh Jawatankuasa Istilah di bawah penyelenggaraan Dewan Bahasa dan Pustaka.

## 2.4 PEMINJAMAN ISTILAH BAHASA ARAB DALAM BAHASA MELAYU

Dalam prospek peminjaman, kemasukan bahasa asing bukanlah suatu yang baru namun ia bermula dari sejarah asal kedatangan bahasa tersebut dalam negeri atau kawasan yang mempunyai bahasanya sendiri. Begitu jugalah yang berlaku dalam bahasa Melayu yang menerima kemasukan suatu bahasa asing. Dalam kes peristilahan bahasa Arab ia berhubung secara langsung dengan agama Islam yang berasaskan al-Quran sebagai pegangan.

Al-Quran yang diturunkan terus kepada junjungan yang mulia Rasulullah s.a.w. yang mana di dalamnya diajarkan pelbagai ilmu agama untuk umatnya menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa perantaraan. Sebagai *mu'jizat kubrā* kepada baginda Rasulullah s.a.w. ia kekal hingga ke hari kiamat dalam bahasa asalnya. Melihatkan kepada pengaruhnya yang tinggi, antaranya dalam bidang linguistik, maka wujudlah kata dan istilah yang digunakan secara meluas dalam Bahasa Melayu.

Menurut Amran Kasimin (1987:14) penyerapan Bahasa Arab dalam Bahasa Melayu berlaku sedikit demi sedikit dan mengambil masa yang lama. Ini disebabkan oleh faktor jarak masa yang lama daripada saat turunnya al-Quran itu sendiri dan jarak perjalanan bahasa itu untuk sampai ke Tanah Melayu. Maka berlakulah perubahan demi perubahan sehingga lah kepada sebutan yang kita gunakan hari ini. Bahasa Arab adalah punca dan sumber pengajaran Islam dan istilah-istilahnya memandangkan al-Quran diturunkan dengan bahasa itu.

Peristilahan Agama Islam pula dikhususkan kepada istilah yang berasal dari bahasa Arab yang bersangkut paut dengan hal keagamaan dan perundangan Islam. Ia telah dikemaskinikan oleh sebuah jawatankuasa khas, iaitu Jawatankuasa Istilah Agama Islam yang ditubuhkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada 19 Mac 1971 (1993:xiii). Sumber utama peristilahan ini ialah al-Quran al-Karim dan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. di samping kitab-kitab agama dari pelbagai bidang ilmu yang terlibat serta riwayat daripada kitab-kitab tarikh dan sebagainya.

Abdullah Hassan (1992:322) ada mencatatkan dalam tulisannya yang bertajuk *Peristilahan* dalam *Ke Arah Pembentukan Istilah Yang Sempurna*, di antara usaha yang dilakukan oleh jawatankuasa ini ialah mengelompokkan ilmu kepada bidangnya di mana ia bertujuan untuk memudahkan kerja pembentukan istilah dan perkamusian. Di bawah bidang Istilah Agama Islam, barisan subbidang yang telah digariskan ialah :

- a) Fiqh
- b) Usuluddin
- c) Falsafah Islam Umum
- d) Al-Quran
- e) Al-Sunnah
- f) Dakwah
- g) Tamadun Islam
- h) Kepimpinan
- i) Bahasa dan Kesusasteraan

(lihat juga Istilah Agama Islam, 1993:xiii)

Istilah-istilah ini telah disedari kewujudannya dalam bahasa Melayu sejak kedatangan Islam di Tanah Melayu. Ia digunakan berterusan sebagai wasilah untuk mendalami agama Islam dan mempelajari al-Quran. Oleh kerana menuntut ilmu itu hukumnya wajib bersesuaian dengan hadith Rasulullah s.a.w. :-

طَلْبُ الْعِلْمِ فَرِيْضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

(رواه ابن ماجه)

yang bermaksud, menuntut ilmu itu wajib ke atas setiap orang Islam maka, tidak hairanlah bagi bangsa Melayu yang mendalami ilmu agama sejak ia mula diperkenalkan akan menjumpai banyak istilah yang berasal dari bahasa al-Quran itu. (Ala'udin al-Muttaqi ibni Hisamuddin, 1993:10:131)

Dalam bahasa Melayu, peristilahan ini bukan sahaja diterima dari segi istilah dan konsep semata-mata malah ia sekaligus telah diterima dari segi hakikatnya. Pada pendapat Abdul Rahman Rukaini (1992:299) kewujudannya yang paling bererti berlaku apabila bahasa menerima kata atau istilah daripada bahasa Arab yang berjiwa Islam. Menurutnya lagi, penerimaan hakikat istilah tersebut dalam jiwa bangsa Melayu telah mengubah fahaman mereka yang dipengaruhi oleh fahaman tahayul kepada jiwa yang lebih rasional dan intelektual (1992:299).

Dengan pendapatnya ini mungkin benarlah kata-kata Za'ba dalam bukunya Ilmu Mengarang Melayu yang telah membandingkan kata pinjaman Arab dengan kata pinjaman Inggeris. Menurutnya, kata pinjaman Inggeris lebih bersifat kebendaan manakala kata pinjaman Arab lebih bersangkut paut dengan "fikiran tinggi-tinggi"

atau “ilmu yang dalam-dalam” (1965:279). Dengan ini, dapatlah kita fahami bahawa istilah dan kata pinjaman Arab mempunyai hubungan kejiwaan kerana kaitannya yang berhubung terus dengan kontek agama.

Peminjaman pula tidak hanya berlaku pada pinjaman kata sahaja. Ia turut melibatkan peminjaman imbuhan yang dibawa bersama dengan kata dasar istilah tersebut. Melihat kepada imbuhan pinjaman dari bahasa Arab terdapat beberapa jenis imbuhan Arab yang dikenal pasti dan kebanyakannya dalam bentuk imbuhan akhiran, iaitu :

i) akhiran *-wi*, dan *-i* - terbatas untuk kata adjektif

-*wi* untuk yang diakhiri dengan vokal dan -*i* untuk yang diakhir dengan konsonan , contohnya :-

- dunia + *wi* : duniawi
- insan + *i* : insani

ii) akhiran *-iah* digunakan untuk membentuk kata adjektif yang membawa makna sifat, contohnya :-

- alam + *iah* : alamiah
- zahir + *iah* : zahiriah
- ilm(u) + *iah* : ilmiah

iii) akhiran *-in*, *-at* dan *ah* untuk menunjukkan kata nama bagi lelaki dan perempuan,contohnya :

- hadir + *in* : hadirin
- muslim + *in* : muslimin
- hadir + *at* : hadirat
- salih + *ah* : salihah

- qari + ah : qariah

Menurut Arbak Othman (1989:89) imbuhan yang dipinjam ini hanya dipakai bersama-sama dengan perkataan yang berasal daripada bahasa Arab juga dan tidak ada bukti yang menunjukkan ia dipakai bersama dengan perkataan Melayu asli. Pada asalnya kepelbagaian jenis imbuhan ini disebabkan oleh perbezaan genus maskulin dan feminin yang amat dititik beratkan dalam bahasa Arab. Abdul Rahman Rukaini (1996:43) menjelaskan dengan lebih panjang lebar dalam hal ini dan menurutnya, pengambilan kata yang lebih biasa ialah daripada genus maskulin tetapi tidak dianggap demikian apabila dijadikan perkataan Melayu. Tetapi, dalam pada itu juga banyak perkataan yang diambil daripada genus feminin yang diterima seperti مشاركة (masyarakat), موافقة (muafakat), ضرورات (darurat) dan sebagainya tetapi dalam hal ini tidak pula diambil kira dari segi genus.

Masalah yang timbul daripada peminjaman istilah daripada bahasa Arab ini ialah dari segi ejaan. Ini berlaku kerana kita mempunyai dua sistem tulisan, iaitu Rumi dan Jawi. Masalah lebih banyak berlaku dalam ejaan Rumi namun ia telah cuba diatasi dengan pedoman transliterasi. Transliterasi boleh dilakukan berdasarkan transliterasi pengucapan dan transliterasi ketatabahasaan (Asmah Omar, 1993:207). Kekeliruan lebih banyak berlaku sekiranya melibatkan rangkai kata dan yang mempunyai *hamzat 'l-waṣl* di awalan لـ. Melihat kepada kekeliruan yang timbul transliterasi yang lebih baik ialah transliterasi pengucapan seperti *fardu 'l-aṣri* untuk فَرْضُ الْعَصْرِ dan *ma'uṣyams* untuk مَاءُ الشَّمْسِ.

Abdul Rahman Rukaini (1996:39-40) turut membincangkan hal ini di mana beliau menyebutkan dalam petikannya :-

*"Kata yang dipinjam itu, ketika ditulis dengan huruf Jawi, umumnya tidak memberi kesan kepada perubahan makna. Tetapi apabila kata itu ditulis dengan huruf Rumi dengan lambang huruf yang mewakili bunyi kata Melayu, khususnya ejaan baharu, sebahagiannya menimbulkan perubahan makna. Malahan, jika kata itu ditulis kembali ke dalam ejaan Jawi, akan menimbulkan perubahan lagi melainkan jika ditulis oleh orang yang mempunyai latar belakang bahasa Arab atau pendidikan agama."*

Dari segi sebutan pula, Awang Sariyan (1995:112) menegaskan bahawa kata yang berupa Istilah Agama Islam hendaklah disebut menurut bunyi asalnya untuk mempertahankan maknanya. Dengan ini, sama-sama lah kita meningkatkan kesedaran dalam menjaga penulisan ejaan dan sebutan istilah berkenaan demi menjaga keharmonian peminjaman istilah dari bahasa Arab khususnya istilah-istilah keagamaan.